



MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai **Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** **Sijil Kontraktor Kerja Bertaraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM (CIDB)]** dengan pendaftaran masih sah, dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

NO. SEBUTHARGA	KETERANGAN KERJA	GRED/ KATEGORI/ PENGKHUSUSAN	TARIKH & MASA LAWATAN TAPAK	HARGA & TARIKH JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
MPHTJ/S21/JKJ/2024	MENAIKTARAF PASAR BEMBAN, MP HANG TUAH JAYA	GRED : G2 KATEGORI : B PENGKHUSUSAN : B04	LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN TARIKH : 27 Jun 2024 (Khamis) MASA :11.00 pagi TEMPAT BERKUMPUL : BELAKANG PASAR BEMBAN Hanya penama yang tercatat dalam Sijil Pendaftaran Syarikat sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak kontaktor / syarikat TIDAK BOLEH mewakili selain penama	HARGA : RM50.00 (tidak akan dikembalikan) TARIKH : 3 Julai 2024 (Rabu) SEHINGGA 10 Julai 2024 (Rabu)	SEBELUM ATAU PADA JAM 12.00 TENGAH HARI 10 Julai 2024 (Rabu)

- Naskah-naskah tawaran sebut harga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari Sistem Tender Online Melaka (STOM) yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>
- Pihak syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di Sistem Tender Online Melaka (STOM) dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebut harga secara atas talian dengan harga RM50.00 bermula pada **3 Julai 2024 (Rabu)** sehingga **10 Julai 2024 (Rabu)**.
- Semua tawaran mestilah dikemukakan dalam sampul surat bermeteri dan dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di pejabat Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (berhampiran kaunter khidmat pelanggan) **selewat-lewatnya** pada hari **Rabu** bersamaan **10 Julai 2024** sebelum pada jam 12.00 tengah hari.
- Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah sekali atau mana-mana sebut harga.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”

“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“HANG TUAH JAYA - BANDARAYA PINTAR”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN SAPIAH BINTI HARON)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Melaka.

Tarikh : 19/6/2024

- s.k :
1. Jabatan Kejuruteraan, MPHTJ – untuk makluman
 2. Pengarah Teknologi Maklumat – *silalah pamerkan iklan sebutarga di laman sesawang dan laman "Facebook" Rasmi MPHTJ*
 3. Fail Projek